

Kes denggi masih tinggi

PUTRAJAYA - Kes denggi turun mendadak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tahun ini, namun jumlahnya masih dianggap tinggi.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, 1,571 kes denggi dicatatkan di ketiga-tiga kawasan berkenaan dari tahun ini hingga 1 November lalu, iaitu penurunan ketara berbanding 4,124 kes sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, pihaknya yakin sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kementerian untuk menurunkan jumlah kes 10 peratus daripada

“Kuala Lumpur mencatat kes paling tinggi mungkin disebabkan kepadatan penduduk, manakala Putrajaya paling rendah iaitu 46 kes sehingga kelmarin berbanding 100 kes sepanjang tahun lalu.”

Sinar 11/11/2011 MS 21

Raja Nong Chik

3,712 kes tahun lalu, dapat dicapai.

“Jumlah 1,571 kes itu masih tinggi dan kita berusaha mengurangkannya lagi tahun depan,” katanya selepas merasmikan Program Anti-Denggi Blog For FT Cares! di Sekolah Kebangsaan Presint 9 (1) di sini, semalam.

Raja Nong Chik berkata, Kuala Lumpur mencatat kes paling tinggi

mungkin disebabkan kepadatan penduduk, manakala Putrajaya paling rendah iaitu 46 kes sehingga kelmarin berbanding 100 kes tahun lalu.

Sasaran tahun depan ditentukan selepas pemeriksaan sepanjang tahun ini dan kementerian akan bekerjasama dengan pihak swasta melakukan kempen kesedaran. - Bernama